

Tumpuan PM tidak terjejas

Kritikan Dr Mahathir bukan halangan laksana agenda bangunkan negara

SANDAKAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kritikan yang dibuat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadapnya, tidak akan menjejaskan tumpuannya untuk melaksanakan agenda membangunkan negara.

Perdana Menteri yang enggan memanjangkan isu itu, juga menyifatkan kritikan bekas Perdana Menteri terhadapnya sebagai hak Dr Mahathir untuk bersuara mengikut amalan demokrasi dan ia tidak menimbulkan masalah terhadapnya.


"Takpalah... yang tu bagi saya tak ada benda la. Tun (Dr Mahathir) bebas nak bercakap apa pun. Bukan menimbulkan satu masalah bagi saya sebab kita adalah negara demokrasi," katanya selepas menyempurnakan majlis perasmian clan penyerahan kunci projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Mesra di sini, petang semalam.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kritikan keras yang dibuat Dr Mahathir terhadap pentadbirannya, termasuk menuduh penggantinya itu menikam beliau dari belakang.

Dr Mahathir yang sebelum ini mempertikaikan beberapa keputusan kerajaan termasuk pembatalan projek jambatan menggantikan Tamak Johor, tanpa berselindung menyatakan kekecewaannya terhadap pentadbiran sekarang.

Perdana Menteri yang enggan mengulas panjang mengenai perkara itu, hanya ketawa apabila ditanya

LIHAT MUKA 2



Tumpuan saya sekarang ialah memenuhi amanah yang diberi rakyat kepada Barisan Nasional (BN) bagi mengotakan segala janji yang dibuat dalam manifesto gagasan itu pada pilihan raya umum dua tahun lalu"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

FROM: SAMUNINGI BERITA HARIAN

'Tumpuan saya penuhi amanah rakyat'

sama ada beliau terkejut dengan pelbagai dakwaan dan kenyataan Dr Mahathir yang dilaporkan media kelmarin.

"Sudahlah, cukuplah tu... cakap yang lain pula. Semua (wartawan) ni memang tunggu nak tanya yang tu sajalah ni," katanya yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sabah berakhir hari ini. Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman.

"Tumpuan saya sekarang ialah memenuhi amanah yang diberi rakyat kepada Barisan Nasional (BN) bagi mengotakan segala janji yang dibuat dalam manifesto gagasan itu pada pilihan raya umum dua tahun lalu.

"Rakyat memberi sokongan terkuat kepada BN pimpinan saya. Saya baru dua tahun setengah jadi Perdana Menteri, baru selesai siapkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang menjadi terjemahan janji manifesto dulu.

"Saya tak nak penuhi manifesto secara ad hoc (sementara)... buat sini sikit, buat situ sikit kerana nanti orang kata apa Pak Lah buat macam tu," katanya yang jelas membayangkan komitmennya meneruskan dasar yang diperkenalkan Dr Mahathir.

Perdana Menteri turut menjejaskan, pelaksanaan janji yang dibuat kerajaan juga perlu dilakukan secara menyeluruh ke arah mencapai matlamat menjadi negara maju pada 2020.

Abdullah berkata, agenda mencapai status negara maju memerlukan perancangan rapi dan ia merangkumi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), RMK-10 dan RMK-11 sebagai pemacu Misi Nasional, termasuk memperbaiki sistem penyampaian awam.

Terdahulu dalam dalam ucapannya, Abdullah meminta kerajaan negeri bekerjasama dengan Kerajaan Pusat supaya segala perancangan dalam dilaksanakan dengan teratur dan hasilnya berupaya dinikmati rakyat selaku golongan sasaran.

"Kerajaan Pusat diterajui BN, di Sabah pun BN di bawah pimpinan Datuk (Seri) Musa (Aman) selaku Ketua Menteri... takkan kita tak boleh bekerjasama untuk mencapai matlamat sama.

Sementara itu, lebih ramai Menteri Kabinet dan pemimpin menolak kritikan Dr Mahathir terhadap Abdullah dan menyatakan sokongan padu mereka kepada kepimpinan Perdana Menteri dalam

mentadbir negara.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad, berkata Perdana Menteri sentiasa menyokong dan amat bersungguh-sungguh untuk meneruskan Wawasan 2020 yang dicituskan Dr Mahathir.

Kesungguhan Abdullah, katanya, boleh dilihat apabila beliau mengumumkan RMK-9 dalam usaha untuk memastikan negara mencapai objektif wawasan itu.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata setiap Perdana Menteri cuba melakukan terbaik seperti yang dibuat Dr Mahathir dan beliau percaya Abdullah melakukan yang sama.

"Ketika krisis kewangan, Dr Ma-

hathir ambil tindakan yang dikecam pelbagai pihak tapi akhirnya tindakan beliau mendapat pujian," katanya.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata pertelingkahan dalam kepimpinan harus dielakkan kerana adalah menjadi irispirasi setiap pemimpin untuk menjalankan tugas mereka dengan cara yang terbaik.

"Kita hormati pemimpin sekarang dan dulu. Tiada pemimpin yang akan buat keputusan untuk hancurkan negara," katanya.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata Abdullah harus diberi peluang untuk menjalankan pentadbiran negara mengikut cara beliau sendiri dan setiap rakyat harus yakin dan memberi sokongan padu kepada beliau.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata semua pihak harus terus memberikan sokongan terhadap kepimpinan Abdullah kerana setiap pemimpin ada caranya sendiri.

Sementara itu, Presiden MIC yang juga Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau yakin dengan kepimpinan serta kewibawaan Abdullah sebagai Perdana Menteri.

"Abdullah ketika ini cuba lakukan yang terbaik untuk negara daripada persepsi Dr Mahathir"

Tajol Rosli Ghazali
Menteri Besar Perak